

16/06/2003

Naib presiden janji sokong pilihan Abdullah

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, semua tiga Naib Presiden Umno sudah berjanji akan menyokong sesiapa saja yang akan dipilihnya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Abdullah yang dinamakan sebagai pengganti Perdana Menteri selepas persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Oktober ini, berkata Datuk Seri

Najib Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin memberinya mandat penuh untuk memilih timbalannya nanti.

"Mereka semua menyatakan kepada saya, 'Pak Lah pilihlah timbalan nanti apabila tiba masanya dan kami akan sokong pilihan itu.' Maknanya tidak adalah nak rebut-rebut," katanya.

Pada sidang media selepas merasmikan majlis Mega Perpaduan 2003 di Bukit

Ekspo Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang, semalam, Abdullah berkata pemimpin kanan lain dalam Umno juga berjanji menyokong keputusannya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kebimbangan Dr Mahathir

mengenai kemungkinan berlaku perebutan jawatan Timbalan Presiden Umno selepas Perdana Menteri bersara Oktober ini.

Dalam temu ramah dengan sebuah akhbar, Dr Mahathir bagaimanapun yakin Abdullah tidak akan dicabar bagi jawatan presiden, tetapi khawatir perebutan jawatan kanan parti, terutama jawatan nombor dua pada pemilihan

Umno tahun depan boleh menyebabkan pergolakan.

Abdullah mengakui beliau juga berkongsi kebimbangan Dr Mahathir itu, tetapi yakin tidak akan berlaku perebutan kerana sudah mendapat kepastian

tiga naib presiden dan pemimpin kanan Umno lain.

"Saya sama-sama merasai kebimbangan itu, tetapi pada waktu ini, saya telah dimaklumkan, telah mendapat kepastian daripada naib-naib presiden, pemimpin Pergerakan Pemuda, Wanita, Puteri, Ketua Penerangan yang menganggotai Jawatankuasa Pengurusan, termasuk Setiausaha Agung dan ketua

perhubungan Umno seluruh negara tanpa terkecuali.

"Mereka telah menyatakan kepada saya mengenai pilihan timbalan itu, mereka kata serahkan kepada Pak Lah, Pak Lah jangan umum lagi, umum apabila Pak Lah dah mengambil alih nanti, dan siapa juga Pak Lah pilih, kita akan sokong," katanya.

Abdullah yakin dengan mandat dan sokongan itu juga bermakna tidak akan berlaku perebutan untuk jawatan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan parti tahun depan.

"Oleh sebab dah setuju supaya saya pilih, namakan, apa lagi nak kempen-

kempen, tunggu sajalah. Janji dah diberi akan sokong siapa yang dipilih. Kalau dah sokong siapa yang dipilih, kalau pilihan itu disahkan kepada saya, jadi apa lagi nak kempen, jadi sia-sia sajalah kempen," katanya.

Abdullah bagaimanapun berkata, usaha masih perlu dilakukan untuk

mengelak perebutan jawatan kanan dalam parti.

Beliau berharap semua pihak dalam parti akan merapatkan semula barisan selepas jawatan Timbalan Perdana Menteri diisi.

"Kita mahu perpaduan, rapatkan barisan kita. Kita menghadapi bukan saingan dalam parti, kita akan menghadapi saingan parti kita iaitu parti pembangkang, yang akan kita mesti hadapi dalam pilihan raya.

"Itu adalah saingan sebenar kita, di situ perlawanan sebenar... bukan dalam parti. Yang kena bersaing ialah dengan parti pembangkang dalam pilihan raya yang akan datang. Persediaan harus dibuat dan itu adalah penting bagi kita daripada berbalah sesama sendiri hanya kerana nak rebut

jawatan dan kerusi," katanya.

Abdullah juga berharap orang ramai, terutama media, tidak menyalahafsirkan kenyataannya.